

Koleksi Malaysia Di John M. Echols Collection on Southeast Asia Perpustakaan Universiti Cornell

Mohd. Razali Agus*

Abstrak: Rencana dimulakan dengan memperkenalkan program pengajian Asia Tenggara di Cornell Universiti dan pengwujudan serta perkembangan koleksi Asia Tenggara yang dinamakan Koleksi Echols. Perolehan bahan bagi koleksi ini adalah melalui Pejabat Library of Congress bertempat di Jakarta dan juga pesanan secara langsung dari pengedar. Beberapa masalah yang dihadapi dalam usaha pengumpulan bahan dibincangkan. Perbandingan dibuat mengenai saiz koleksi Malaysiana dengan koleksi dari negara-negara Asia Tenggara yang lain. Rencana diakhiri dengan cadangan untuk memperkuatkan program pertukaran dan hadiah sebagai satu langkah untuk memperkaya bahan-bahan Malaysiana di Koleksi Echols dan juga koleksi Malaysiana di perpustakaan institusi tempatan.

Abstract: The article begins with an introduction to the Southeast Asian study programmes available at Cornell University and the resultant special collection of Southeast Asian material named the Echols Collection. Acquisition of material is through an office of the Library of Congress stationed in Jakarta as well as direct purchasing from vendors. Problems in the acquisition of materials are discussed. Comparison is made of the size of the collection of Malaysian materials as compared with collections of materials from other Southeast Asian countries. Finally it is suggested that the gift and exchange scheme be further strengthened as a means of enriching both the Echols Collection with Malaysian materials as well as similar collections in libraries of local institutions.

Pendahuluan

Pertumbuhan dan perkembangan pusat-pusat pengajian tinggi yang menumpukan pengajian mengenai negara-negara Asia Tenggara daripada awal tahun-tahun 1960-an sehingga kini adalah sangat pesat. Minat dan perhatian terhadap negara-negara Asia Tenggara di Universiti Cornell telah bermula setengah abad yang lalu. Pada tahun 1898, Presiden Universiti Cornell, Jacob G. Schurman telah menulis beberapa artikel tentang Filipina.¹ Dengan kemunculan penulisan ini, minat terhadap pengajian Asia Tenggara mula berkembang di Universiti Cornell. Perkembangan ini juga adalah berkait rapat dengan kepentingan negara Amerika Syarikat di Filipina. Filipina merupakan negara yang pertama dijajah oleh Amerika Syarikat di Asia Tenggara. Perkembangan politik Amerika Syarikat di Filipina juga telah mencetuskan minat baru ke atas negara-negara Asia Tenggara.

Program Asia Tenggara

Pada tahun 1950, perhatian yang lebih mendalam di kalangan para sarjana yang mengajar di Universiti Cornell tentang kehidupan masyarakat di Asia Tenggara telah mewujudkan satu program yang khusus mengenai Asia Tenggara. Program ini dikenali sebagai Program Asia Tenggara dengan diketuai oleh seorang pengarah dan penolong pengarah yang dilantik secara bergilir-gilir di kalangan kakitangan akademik yang berminat terhadap pengajaran Asia Tenggara. Ijazah kedoktoran yang pertama dianugerahkan oleh program ini pada tahun 1952. Hampir 1000 pelajar telah mendapat ijazah tinggi di peringkat-peringkat sarjana dan kedoktoran.

Program Asia Tenggara di Universiti Cornell juga mengalami perkembangan yang pesat di mana bilangan kakitangan akademik telah

* Pensyarah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya. Kini sedang menyelesaikan disertasi Ph.D. di Universiti Cornell, Amerika Syarikat.

meningkat daripada 3 orang profesor pada peringkat awal penubuhannya kepada 16 orang profesor pada tahun 1982. Terdapat beberapa orang lagi ahli-ahli akademik yang terlibat secara tidak langsung sama ada dari segi pengajaran ataupun penyelidikan mengenai negara-negara di Asia Tenggara. Tenaga pengajar dan penyelidik yang berminat tentang Asia Tenggara meliputi pelbagai bidang termasuklah bidang-bidang sains, politik, antropologi, sejarah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sarjana-sarjana yang mempunyai pengalaman tentang Malaysia adalah kecil bilangannya jika dibandingkan dengan sarjana yang berminat tentang Indonesia.

Pengajaran dan Penyelidikan Tentang Malaysia

Walaupun bilangan sarjana yang berminat tentang Malaysia telah berkurangan, bilangan profesor yang masih menyelia, mengajar dan menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan perundingan mengenai Malaysia masih lagi dapat dibanggakan, jika dibandingkan dengan para sarjana yang berminat tentang Vietnam, Burma, Kampuchea, Laos, Brunei Darussalam dan Singapura. Dalam hal ini, pengkaji dan pelajar yang berminat tentang Malaysia masih boleh mendapatkan seliaan dan nasihat daripada ahli-ahli akademik berikut:

1. Tan Sri Profesor (Emeritus) Milton L. Barnett² dalam bidang sosiologi pembangunan, antropologi dan pembangunan luarbandar. Beliau mempunyai pengalaman yang luas tentang Malaysia kerana beliau pernah menjadi penasihat Kerajaan Malaysia semasa Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri Malaysia.
2. Profesor (Emeritus) Milton Esman dalam bidang sains politik, pentadbiran awam/kerajaan dan dasar awam. Beliau adalah bekas perunding di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Jabatan Perdana Menteri.³
3. Profesor A. Thomas Kirsch dalam bidang antropologi, agama dan etnografi penduduk di Tanah Besar Asia Tenggara. Kini beliau bertugas sebagai Pengerusi Jabatan Antropologi.⁴

4. Profesor Barclay G. Jones dalam bidang pembangunan ekonomi, sains wilayah, perancangan bandar dan wilayah.⁵
5. Profesor Gary Fields⁶ dalam bidang ekonomi buruh dan pembangunan ekonomi. Kini bertugas sebagai Pengerusi, Jabatan Ekonomi Buruh, Kolej Perhubungan Industri dan Buruh.

Koleksi John M. Echols Tentang Asia Tenggara

Koleksi ini terkenal dengan panggilan Koleksi Echols (Echols Collection), mengambil sempena nama Kurator yang pertama, Profesor John M. Echols. Koleksi ini ditubuhkan selaras dengan bertambahnya permintaan mendapatkan bahan-bahan rujukan daripada sarjana dan pelajar yang terlibat dalam Program Asia Tenggara, Universiti Cornell. Pada peringkat awal penubuhannya, Koleksi Echols mendapat bantuan daripada Pelan Farmington (Farmington Plan). Ini merupakan satu kerjasama antara perpustakaan universiti-universiti Amerika Syarikat. Pada tahun 1953, perpustakaan Universiti Cornell telah menetapkan bahawa Koleksi Echols menyimpan setiap tajuk mengenai Asia Tenggara yang telah diterbitkan.

Pada tahun 1964, Undang-undang Awam 480 Program Perolehan Indonesia yang ditadbirkan oleh Library of Congress (Perpustakaan Congress) memulakan operasi di Jakarta, Indonesia. Melalui program ini Perpustakaan Universiti Comell bersama 10 perpustakaan yang lain di Amerika Syarikat mula menerima bahan-bahan Indonesia dari masa ke semasa. Di bawah Program Nasional untuk Perolehan dan Pengkatalogan (National Program for Acquisitions and Cataloging (NPAC), program perolehan buku diperluaskan meliputi negara-negara Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam.

Pada 30 Jun 1988 jumlah koleksi Asia Tenggara John M. Echols tentang Asia Tenggara ialah 214,004 tajuk. Sehingga 31 Disember 1988, koleksi John M. Echols telah meningkat 218,721 judul/tajuk. Koleksi Malaysia⁷ dalam bahasa Melayu (7482) juga adalah kecil bilangannya jika dibandingkan dengan koleksi-koleksi Indonesia (52,644), Thailand (76,463), Vietnam (21,852). Data yang paling akhir, setakat 31 Disember 1988 menunjukkan koleksi Malaysia dalam Bahasa Melayu berjumlah 7655 tajuk.

**Jadual 1 Bilangan Tajuk di Koleksi John M. Echols
Perpustakaan Universiti Cornell Sehingga 30 Jun 1988**

Bahasa Vernakular	Bilangan buku	Wilayah Kawasan	Jumlah Jurnal / Majalah	Jumlah Akhbar	Jumlah Besar
Burma	4332	Burma	283	22	4637
Indonesia	44533	Indonesia	8155	256	52644
Khmer	864	Kampuchea	205	45	1114
Laos	883	Laos	164	32	1079
Melayu	3958	M/S/BD*	3440	84	7482
Filipino	1557	Filipina	1719	64	3340
Thai	34141	Thailand	2243	79	36463
Vietnam	19980	Vietnam	1638	234	21852
		Asia Tenggara	644	0	644
Jumlah	110,248		18491	816	129555
Bah. Inggeris dan bahasa-bahasa lain					84449
Bilangan Tajuk Diperolehi 1/7-31/12/88					4717
Jumlah Besar					218721

* Termasuk negara-negara Malaysia/Singapura/Brunei Darussalam.

Proses Pengumpulan Bahan-Bahan Terbitan Malaysia

Melalui program NPAC, Pejabat Library of Congress di Jakarta mengadakan perhubungan dengan pengedar-pengedar di Singapura dan Kuala Lumpur. Satu daripada kesan yang timbul daripada pergantungan pengedar-pengedar Singapura dan Kuala Lumpur ialah kurangnya perolehan bahan-bahan yang diterbitkan di luar kedua-dua bandaraya tersebut. Bahkan banyak terbitan-terbitan yang dihasilkan oleh sarjana-sarjana dan ahli-ahli akademik tempatan tidak sampai ke Amerika Syarikat kerana

pemasarannya hanya terhad kepada kampus-kampus yang tertentu dan tidak sampai ke tangan pengedar tunggal di Kuala Lumpur dan-Singapura. Umpamanya akhbar-akhbar daripada Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam adalah terlalu kecil¹⁸ bilangannya yang di-perolehi oleh Indonesia.

Keadaan ini bertambah buruk lagi kerana tidak semuanya bahan dalam senarai tajuk yang dihantar oleh pengedar-pengedar Malaysia dan Singapura juga dipesan oleh Pejabat Library of Congress. Library of Congress harus memberikan persetujuan muktamad. Lebih khusus lagi hanya tajuk-tajuk monograf dan jurnal yang

terpilih sahaja akan dihantar ke Amerika Syarikat di bawah program NPAC. Walau bagaimanapun tajuk-tajuk yang tidak terdapat di Koleksi Echols masih boleh diperolehi melalui program pertukaran dan hadiah antara perpustakaan. Dalam hal yang terdesak Koleksi Echols sering kali mendapatkan kemudahan pinjaman antara perpustakaan di Amerika Syarikat.

Koleksi Echols sebenarnya berada di dalam sistem Perpustakaan Olin, perpustakaan siswazah Universiti Cornell. Ada 20 buah lagi perpustakaan yang berada dalam sistem perpustakaan-perpustakaan Cornell University. Ini termasuklah Perpustakaan Mann, yang mengumpul bahan khusus tentang pertanian, Perpustakaan ILR (Industrial and Labor Relations), Perpustakaan Sekolah Pengajian Perniagaan (Business School Library), Perpustakaan Pentadbiran Hotel (Hotel Administration School Library) dan juga perpustakaan untuk mahasiswa ijazah pertama, Perpustakaan Uris. Tidak semua bahan-bahan Asia Tenggara termasuk Malaysia khususnya disimpan dalam Koleksi Echols. Bahan-bahan terbitan yang khusus tajuknya mungkin tersimpan di salah satu daripada sistem perpustakaan-perpustakaan Universiti Cornell di atas.

Dalam usaha meningkatkan kemudahan penggunaan perpustakaan, Perpustakaan Olin dan Koleksi Echols telah mula memasukkan semua tajuk yang ada di sistem perpustakaan-perpustakaan dalam komputer dengan

menggunakan sistem yang dikenali sebagai sistem NOTIS. Sistem ini menyediakan maklumat dan tajuk yang ada semenjak tahun 1981. Tajuk-tajuk yang diterbitkan lebih awal daripada tahun 1981 masih boleh dikesan melalui sistem kad dan penggunaan dua rangkaian komputer yang dikenali sebagai RLIN dan OCLC. Kedua-dua rangkaian ini mempunyai talian rangkaian dengan beberapa perpustakaan yang terdapat di Amerika Syarikat, Britain dan Canada. Semua kemudahan ini adalah percuma kepada pengguna-pengguna perpustakaan.

Program Pertukaran dan Hadiah

Setakat ini program pertukaran dan hadiah antara Koleksi Echols dan perpustakaan di Malaysia terhad kepada 4 perpustakaan sahaja.⁹ Hanya Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia sahaja yang giat mengadakan hubungan pertukaran bahan-bahan mengenai Malaysia dan Asia Tenggara. Untuk mempertingkatkan lagi program pertukaran ini suatu perhubungan yang lebih erat dan sistematik sedang diaturkan supaya perpustakaan di Malaysia amnya dan Universiti Malaya khususnya dapat memperolehi bahan-bahan daripada Koleksi Echols. Masa depan program pertukaran ini adalah lebih cerah kerana pihak Koleksi Echols merasakan wujudnya ruang-ruang perhubungan yang dapat mempergiatkan lagi usaha pertukaran ini.

Nota

1. Lihat *The John M. Echols Collection on Southeast Asia: Cornell Assemblers a National Treasure*. (Ithaca, New York: Cornell University Press), 1982.
2. Antara pelajar-pelajar Malaysia yang pernah diselia beliau termasuklah Dato Dr. Affifudin Omar (Ahli Parlimen), yang menulis *Peasants, Institutions, and Development in Malaysia: Its Political Economy of Development in the Muda Region*, Tesis Ph.D, Universiti Cornell, 1978; Profesor Madya Sivalingam (Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, UM) yang menulis

The Political Economy of Agrarian Change in West Malaysia, 1947-1975 Tesis Ph.D, Universiti Cornell, 1983; Profesor Madya Mohammed Halib (Jabatan Pengajian Asia Tenggara, UM) yang menulis *The State, Rice and Irrigation: Historical Development and Contemporary Cases of Small-Scale Irrigation Systems in Peninsular Malaysia*, Tesis Ph.D, Universiti Cornell, 1985 dan Dr. Zahid Embi (Jabatan Sains Sosial, UPM) yang menulis *Malay Labourers: Work and the Moral Economy of a Post-peasant Village*, Tesis Ph.D., Cornell University [akan diterbitkan].

3. Lihat Milton Esman, *Administration and Development in Malaysia*, (Ithaca, New York: Cornell University Press), 1972. Buku ini ditulis berdasarkan pengalamannya sebagai perunding
4. Antara pelajar yang pernah diselanya termasuklah Prof. Madya Sharifah Zaleha S. Hassan, Ketua Jabatan Antropologi, UKM. Lihat tesis Ph.D. beliau, *From saints to bureaucrats: a study of the development of Islam in the state of Kedah Malaysia*, Ithaca, N.Y.: Cornell University, 1985.
5. Pelajar pertama yang diselanya ialah Dr. Mohd. Yusof Ismail. Lihat tesis Ph.D. beliau, *Malaysia's New Economic Policy: Its Impact on Urban, Regional and Sectoral Distribution of Income, Inequality and Poverty* (Ithaca: Cornell University, Ph.D. Thesis), 1987.
6. Penerbitannya tentang Malaysia lihat Gary Fields et. al., *The Urban Informal Sector in Malaysia and Costa Rica: Linkages with the Formal Sector*. Unpublished Report submitted to International Labour Office (ILO), 1985.
7. Termasuk juga daripada Singapura dan Brunei Darussalam.
8. Antara akhbar-akhbar daripada Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam termasuklah *New Straits Times*, *Berita Harian*, *Sarawak Tribune*, *Sabah Times*, *Borneo Bulletin*, *Straits Times (Singapore)*, *Straits Times Weekly Overseas Edition* dan *Bernama Overseas News Service*.
9. Ini termasuklah perpustakaan-perpustakaan Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Negara.